

Anugerah bakal gegarkan Tamu Gadang UMS 21 November ini

Hari ini pula di Sabah fm jam 11 pagi...

OLEH
ALMAWATI RAKIM

NST 19.11.2015 13



ANUGERAH dari kiri Hafiz, Haneef dan Rezoy bakal serikan Tamu Gadang UMS 21 ini bersama Amuk (Bandi), Ali (XPDC) dan Salma Mentor.

KUMPULAN yang dikenali menerusi single *Mainan Cinta*, Anugerah bakal mengadakan persembahan sempena Tamu Gadang Universiti Malaysia (UMS) yang ke 17, pada 21 November ini.

Ketika menghubungi *Hiburan NST* menerusi WhatsApp baru-baru ini, vokalis Anugerah, Hafiz menyatakan selain Anugerah, beberapa lagi penyanyi terkenal tanah air turut sama mengadakan persembahan.

"Anugerah akan mengadakan persembahan pada 21 November ini bersama Bandi (Amuk), Ali (XPDC) serta Salma (Mentor), di Padang Kawad UMS pada jam 8.30 malam," jelas Hafiz.

Dalam persembahan yang bertemakan 'Konsert Rock Mania' itu, menurut Hafiz Anugerah akan membawakan tiga lagu termasuklah *Mainan Cinta*, *Bujang Senang* (nyanyian Wings) dan *She's Gone* (Steel Heart).

Hafiz yang mewakili Anugerah menyatakan akan membawakan persembahan terbaik buat warga UMS terutamanya para penyokong dan peminat kumpulan mereka.

"Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak UMS dan KKFM atas jemputan memeriahkan lagi Tamu Gadang pada tahun ini.

"Tahniah juga kepada pelajar-pelajar yang akan bakal menerima anugerah masing-masing pada majlis Konvokesyen nanti," tambah Hafiz. Ini merupakan penampilan pertama Anugerah di Tamu Gadang UMS, yang telah pun bermula pada 18 dan dijangka berakhir, 22 November ini.

Dalam perkembangan lain, kepada peminat yang ingin mendengar suara ahli-ahli Anugerah, bolehlah mengikuti siaran Sabah fm. Dimana Anugerah yang dijangka keudara di stesen radio itu pada jam 11 pagi ini.

"Terima kasih buat Dj Saad dan RTM kerana menjemput Anugerah mengadakan promosi single pertama kami iaitu *Mainan Cinta*," tambah Hafiz.

Selain Hafiz, Anugerah turut dianggotai oleh Rezoy (guitar), Wan (Drum) dan Haneef (Bass).

Para peminat boleh mengikuti perjalanan seni Anugerah menerusi Instagram- *anugerahband* dan Facebook- *bandanugerah*.